

# Mencari atlet pelapis dalam **acara larian jarak jauh**

BH 22.11.2012 V 16

**R**antau: Sebanyak 10 sekolah menyertai acara larian jarak jauh, 'Ranau Run For Life' anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Sekolah Menengah Kebangsaan Datu Paduka Mat Salleh, di sini baru-baru ini.

Pengaruh program yang juga pensyarah UMS, Prof Madya Dr Razali Abdullah, berkata acara itu meliputi kategori individu dan berkumpulan lelaki bawah 14 tahun, perempuan bawah 14 tahun, lelaki bawah 16 tahun, dan perempuan bawah 16 tahun.

Beliau berkata, penganjuran kali kedua itu bertujuan mencari bakat baru serta melahirkan atlet muda khususnya dalam acara jarak jauh.

Katanya, kategori lelaki membabitkan jarak larian sejauh lima kilometer (km) manakala bagi kategori

wanita pula tiga km. Trek larian mencabar stamina peserta kerana ia meliputi pendakian bukit curam dan bentuk muka bumi tidak rata.

"Program larian seumpama ini perlu diteruskan bagi melahirkan lebih ramai atlet pelapis untuk acara jarak jauh, tambahan pula sambutan memberangsangkan berikutan jumlah penyertaan meningkat berbanding sebelum ini," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Program Sains Sukan UMS, Dr Mohamad Nizam Nazarudin berharap projek itu akan diteruskan dalam usaha memastikan lebih ramai atlet kelahiran Sabah mewarnai dunia sukan negara dan antarabangsa.

Johan kategori individu lelaki bawah 14 tahun dimenangi Azwan Salim

manakala tempat kedua dan ketiga masing-masing dimenangi Raymond dan Nurzuerain Iqbal. Juara kategori individu perempuan bawah 14 tahun pula disandang Eris Yami, disusuli Fatin Adnie Lylla Ehsan sebagai naib johan dan Asdina Dainah di tempat ketiga.

## **Jumlah penyertaan meningkat**

Kategori individu lelaki bawah 16 tahun pula menyaksikan Er Yun Hing muncul juara,



**Pelepasan bagi** kategori lelaki bawah 14 tahun dan lelaki bawah 16 tahun oleh Pegawai PPD Ranau



Rijam Kagut sebagai naib juara diikuti Roland di tempat ketiga.

Bagi kategori individu perempuan bawah 16 tahun, johan dimenangi Selestinella Gabi, Ezeze Greyory di tempat kedua dan Iselmee di tempat ketiga.

Sementara itu, pemenang berkumpulan bagi kategori lelaki bawah 14 tahun disandang Sekolah Menengah Agama (SMA) Mohd Ali di-

susuli Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datu Paduka Mat Salleh di tempat kedua dan SMK Lohan di tempat ketiga.

Bagi kategori berkumpulan perempuan bawah 14 tahun pula, johan disandang SMK Datu Paduka Mat Salleh, manakala naib johan dan tempat ketiga masing-masing dimenangi oleh SMK Kundasang dan SMA Mohd Ali.

SMK Bundu Tuham muncul juara kategori berkumpulan lelaki bawah 16 tahun, diikuti SMK Lohan selaku naib juara dan SMA Mohd Ali di tempat ketiga. Bagi kategori berkumpulan perempuan bawah 16 tahun, johan dimenangi SMK Datu Paduka Mat Salleh, naib johan SMK

Matupang Jaya dan tempat ketiga SMA Mohd Ali.

Johan bagi setiap kategori berkumpul menerima piala pusingan dan wang tunai sebanyak RM300. Naib johan dan tempat ketiga masing-masing menerima RM200 dan RM100.

Acara anjuran bersama dengan Program Sains Sukan, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPSS) UMS itu dibiayai Yayasan CIMB dan dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah Ranau.

Hadir sama menjayakan program itu ialah Pensyarah Sains Sukan UMS Patmanathan K Suppiah dan Hasnol Noordin serta 35 pelajar Sains Sukan UMS.